

[HADITH PALSU] SAMBUTAN MAULID NABI ADALAH BERASAKAN DALIL PALSU & 15 KESAN BURUK SAMBUTAN MAULIDURRASUL



<https://youtu.be/3yqAxihV234>

VIDEO – [Durasi – 19m 30s] – [HADIS PALSU] Maulid Nabi – Dalil Palsu & 15 Kesan Buruk Sambutan Maulidurrasul

[HADITH PALSU] SAMBUTAN MAULID NABI ADALAH BERASAKAN DALIL PALSU & 15 KESAN BURUK SAMBUTAN MAULIDURRASUL

1. [00:01:55] – HADITH PALSU

Nabi s.a.w dikatakan bersabda, "Sesiapa yang membesarkan (memuliakan) hari kelahiranku, aku akan menjadi saksi kepadanya pada hari kiamat nanti dan sesiapa yang membelanjakan satu dirham sahaja pada hari kelahiranku, dia seolah-olahnya membelanjakan emas sebesar bukit di jalan Allah".

[00:03:07] – KOMENTAR

- i. "Hadith" ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab kecuali kitab "Madarij Shuhud".
- ii. Hadith ini tidak disertakan sanad dan ianya ternyata palsu.
- iii. Hadith-hadith palsu sebegini menyebabkan umat Islam tertipu dengan janji-janji ganjaran yang besar untuk amalan yang tidak disyariatkan dalam agama.

2. [00:04:28] – "ATSAR (KATA-KATA) DARI EMPAT KHALIFAH AR-RASYIDIN

- i. Kata Saidina Abu Bakar r.a.: "Sesiapa yang membelanjakan satu dirham sahaja dalam maulid Nabi s.a.w. dia akan menjadi temanku di dalam syurga".
- ii. Kata Saidina Umar r.a.: "Sesiapa membesarkan maulid Nabi s.a.w. atau memuliakan maulid Nabi s.a.w. bererti dia telah menghidupkan Islam".
- iii. Kata Saidina Uthman r.a.: "Sesiapa yang membelanjakan satu dirham untuk bacaan maulid Nabi dia seperti telah ikut serta dalam peperangan Badar dan Hunain".
- iv. Kata Saidina Ali r.a.: "Sesiapa yang membesarkan maulid Nabi s.a.w. dia tidak akan keluar dari dunia ini melainkan dengan iman". Atsar tersebut hanyalah rekaan dan tidak dapat dibuktikan kesahihannya.

3. [00:06:29] – KATA-KATA IMAM AS-SHAFIE

Imam as-Shafie r.h. berkata: "Sesiapa yang menghimpun saudara maranya untuk maulid Nabi dan menyediakan untuk mereka makanan dan dia melakukan kebaikan, Allah s.w.t. akan membangkitkannya pada hari kiamat nanti bersama dengan siddiqin, syuhada' dan solihin dan akan berada di dalam syurga yang penuh nikmat."

[00:07:02] – KOMENTAR

Kata-kata Imam Shafie seperti yang tersebut tidak didapati dalam sebarang kitab beliau.

[00:07:31] – SAMBUTAN MAULID NABI MENGUNDANG LEBIH BANYAK "MAFASID" (KEROSAKAN) DI SEGI AGAMA BERBANDING KEBAIKAN

1. Sambutan Maulid Nabi di negara kita banyak dipengaruhi oleh amalan golongan sesat Brelwi di India.
2. Hendaklah kita hayati kaedah syariat yang terkenal, "Menolak kerosakan adalah lebih utama dari mencari kebaikan dan manfaat" .

[00:10:28] – PERINGATAN – "MAFASID" (KEROSAKAN) DARI SAMBUTAN MAULID RASUL

1. Melanggar kaedah syariat iaitu mengubah hukum Allah dengan menetapkan hukum wajib atau sunat menyambut maulid Nabi sedangkan ianya tidak wajib atau sunat dalam syariat Islam.
2. Bercanggah dengan syariat iaitu mengumpulkan orang ramai untuk sesuatu amalan yang tidak wajib. Menyambut maulid Nabi bukan setakat tidak wajib, malah tidak sunat pun.
3. Dalam upacara sambutan maulid Nabi, dipercayai Nabi s.a.w. hadir ke dalam majlis itu. Oleh itu, dikatakan sunat berdiri untuk meraikan roh atau jasad Nabi. Kepercayaan sebegini sudah membabitkan hal-hal aqidah.
4. Masyarakat menganggap upacara sambutan maulid Nabi ini lebih penting dari amalan wajib seperti solat.
5. Qasidah yang dialunkan dalam majlis sambutan maulid Nabi mengandungi unsur-unsur syirik dan pemujaan serta ghuluw (taksu yang keterlaluan) terhadap Nabi s.a.w.
6. Perbelanjaan besar yang dikeluarkan untuk mengadakan majlis sambutan maulid sepatutnya boleh digunakan untuk perkara yang lebih berfaedah. [Fenomena terkini, sambutan maulid tidak hanya untuk Nabi s.a.w. tetapi juga untuk orang-orang lain yang dianggap mulia dan kemudiannya disambung dengan sambutan "haul" (hari kematian) menyebabkan kehidupan kita disibukkan dan dipenuhi dengan upacara-upacara]
7. Maulid Nabi ini tidak pernah disambut oleh Nabi, Sahabat-Sahabat, Tabiin, Tabi' at-Tabiin dan di kurun-kurun keemasan Islam tetapi mula disambut oleh pemerintah dari aliran Syiah.

8. Memperkenalkan perkara baru dalam agama (bid'ah)
9. Sambutan maulid Nabi adalah perbuatan sia-sia dan tidak mendapat pahala.
10. Mendustakan ayat al-Quran Surah al-Maidah ayat 3 yang mengatakan bahawa agama ini telah disempurnakan dan lengkap. Dengan menambah ibadat-ibadat baru seperti sambutan maulid Nabi, kita mengatakan bahawa agama ini belum sempurna.
11. Sambutan maulid Nabi adalah menyerupai amalan penganut Kristian yang menyambut hari kelahiran Nabi Isa. Kita umat Islam dilarang menyerupai golongan kafir.
12. Dengan mengatakan orang yang tidak menyambut maulid Nabi ini tidak sayang kepada Nabi, kita sebenarnya secara tidak langsung menuduh para Sahabat benci kepada Nabi.
13. Menambah hari perayaan yang telah disyariatkan oleh Islam selain dari hari raya puasa dan hari raya korban.
14. Pemujaan terhadap Rasulullah boleh membawa kepada syirik sebagaimana umat-umat terdahulu sesat kerana "ghuluw" (melampau) terhadap orang-orang soleh.
15. Tarikh 12hb Rabiulawwal yang dikatakan sebagai hari lahir adalah juga tarikh kewafatan Nabi! Adakah kita menyambut hari lahir atau hari wafat Nabi? Tarikh yang lebih tepat kelahiran Nabi sebenarnya ialah 9hb Rabiulawwal, oleh itu kita menyambutnya di hari yang salah!

VIDEO PENUH ASAL –

- i. <https://youtu.be/FITtpe-ZFHc>
- ii. <https://youtu.be/6woxBvkAze>